

## Keperluan Ijtihad dalam Pengurusan Pewarisan Harta: Kajian Terhadap Amalan *Nuzriah* di Singapura

Suhaimi Mustar<sup>a</sup>, Nasrul Hisyam Nor Muhamad<sup>a\*</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: nasrul@utm.my

### Article history

Received : 25 April 2012

Received in revised form : 15  
October 2012

Accepted : 15 December 2012

### Abstract

This article analyzes the need for ijtihad in the management of inheritance with particular reference to the practices on nuzriah in Singapore. For that purpose, the discussion has been made on a nuzriah case that was decided in the High Court of Singapore. In order to analyze the position of nuzriah, the authors has examined the legal views of fiqh, the contemporary fatwas, the provisions of law, and the objectives of Shariah in nuzriah implementation nuzriah in inheritance. The study found that nuzriah is an instrument for the distribution of property that is suitable to be practiced in certain situations to address issues of conflict in the inheritance. In the Singapore context, the concept of nuzriah can be adapted in planning the family property distribution in addition to the use of hibah, wills and trusts. Nevertheless, the effectiveness of nuzriah as estate planning instrument also depends on its compliance with both Civil law and Islamic law.

*Keywords:* Ijtihad; inheritance; nazar; nuzriah; Islamic Law in Singapore

### Abstrak

Artikel ini menganalisis keperluan ijtihad dalam pengurusan pewarisan harta dengan rujukan khusus kepada amalan nuzriah di Singapura. Untuk tujuan tersebut, perbincangan telah dibuat terhadap satu kes berkenaan nuzriah yang telah diputuskan di Mahkamah Tinggi Singapura. Penulis dalam menganalisis kedudukan nuzriah telah membahaskan pandangan-pandangan fiqh, fatwa semasa, peruntukan undang-undang, dan tujuan Syariah dalam pelaksanaan nuzriah dalam pewarisan harta. Kajian mendapati bahawa nuzriah adalah instrumen agihan harta yang sesuai diamalkan dalam situasi-situasi tertentu bagi menangani isu-isu yang menjadi konflik dalam perwarisan harta. Dalam konteks Singapura, konsep nuzriah boleh diadaptasi dalam merancang agihan harta keluarga di samping penggunaan instrumen hibah, wasiat dan amanah. Sungguhpun demikian, keberkesanan nuzriah sebagai instrumen perancangan harta juga bergantung kepada pematuhannya dengan kedua-dua undang-undang Sivil dan Islam.

*Kata kunci:* Ijtihad; pewarisan; nazar; nuzriah; undang-undang Islam di Singapura

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### 1.0 PENDAHULUAN

Ijtihad adalah satu prinsip yang menjadikan Islam itu berkembang dan mampu menyediakan penyelesaian yang praktikal bagi setiap permasalahan hidup yang berubah-ubah. Ijtihad diperlukan dalam semua aspek kehidupan. Hal ini demikian adalah kerana syariat Islam banyak mengandungi nas umum, memberi ruang kosong untuk menerima kepelbagaian pendapat serta meraikan dasar keterpaksaan (*dharuriyyat*). Dalam fatwa, perubahan masa, keadaan, tempat dan *'urf* (adat) menjadi pertimbangan (al-Qaradawi, 1999). Sebagai contoh, dalam pewarisan harta, ijtihad diperlukan terutama dalam perkara yang tiada nas kerana ijtihad tidak boleh dilakukan dalam perkara yang ada nas seperti dalam masalah fara'id. Hal ini perlu, memandangkan harta merupakan salah satu daripada lima matlamat syariah yang perlu diatur dan

dipelihara. Artikel ini bertujuan membincangkan peranan ijtihad dan kaitannya dengan *nuzriah* dalam pewarisan harta berdasarkan kajian kes di Singapura. Artikel ini didahului dengan perbincangan mengenai konsep ijtihad dalam perundangan Islam. Seterusnya diterangkan mengenai keperluan ijtihad dalam pewarisan, isu *nuzriah* dalam pewarisan harta di Singapura, kedudukan *nuzriah* dalam Islam, dan kedudukan fatwa *nuzriah* di Singapura.

### 2.0 IJTIHAD DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Ijtihad dari segi bahasa berasal dari perkataan "*al-juhūd*" atau "*al-jahd*" yang digunakan dalam perkara yang menyusahkan, membebankan atau memberatkan (Ibn Manzur, 1968: 2/133;

Majma' al-Lughah al-'Arabiyah, 2004: 1/143), atau menggunakan kekuatan dari segi mental atau fizikal (Kassim Salleh, 1989: 147). Terdapat enam ayat dalam al-Quran menggunakan kalimah "*al-jahd*" iaitu surah al-An'am, 6: 109, al-Ma'idah, 5: 53, al-Taubah, 9: 79, al-Nahl, 16: 38, 53 dan Fathir, 35: 42. Sementara ayat yang menggunakan perkataan "*al-juhd*" ialah al-Taubah, 9: 79.

Manakala ijtihad dari segi istilah, menurut al-Shaukani (2000: 250) ijtihad ialah melakukan semampu daya bagi menghasilkan hukum syarak yang praktikal (bersifat amali) dengan cara *istinbat* (kajian). Menurut al-Amidi (2003: 4/218) pula, ijtihad ialah menumpukan sepenuh usaha dalam menghasilkan hukum syarak yang bersifat *zanni* (tidak pasti) sehingga seorang merasa tidak mampu lagi melakukan lebih dari itu. Jelasnya, unsur penting yang perlu difahami daripada konsep ijtihad ialah adanya kepayahan, usaha ataupun menggunakan tenaga untuk memahami dan mengeluarkan hukum syarak. Peranan ijtihad amat penting selain ianya disyariatkan dalam Islam, ia juga alat pengembang hukum Islam (Muhammad Hashim Kamali, 2000: 366).

Ulama meletakkan syarat-syarat penting bagi seorang mujtahid dan mufti dalam berijtihad. Menurut Ibn al-Qayyim (1423H: 1/87), antara syarat terpenting yang melayakkan seseorang untuk berijtihad ialah memahami keadaan semasa. Berdasarkan syarat ini, seorang mujtahid yang memberi fatwa kepada manusia tidak boleh hidup dalam keadaan terpencil, dan mengeluarkan hukum di luar konteks atau sebenar. Kerana itulah terdapatnya kaedah yang menyatakan bahawa "*Fatwa berubah dengan berubahnya zaman, tempat, keadaan dan 'urf*". Mujtahid yang sebenar ialah orang yang melihat kepada dalil-dalil syarak bersama-sama realiti semasa dan setempat secara bersepadu.

Kenyataan ini bertepatan dengan kenyataan Abu Zahrah (t.t.: 327) bahawa pengeluaran fatwa memerlukan syarat ijtihad yang sempurna. Abu Zahrah turut mensyaratkan seorang mujtahid disyaratkan perlunya memahami realiti semasa ketika mengeluarkan fatwa. Mujtahid juga perlu memahami psikologi orang yang bertanya (meminta fatwa) dan masyarakat yang hidup di dalamnya serta keadaan persekitaran berlakunya suatu kejadian atau amalan, untuk mengetahui sejauh mana kesan ijtihad melalui fatwa dari sudut keburukan dan kebaikan (Muhammad Baltaji, 2007: 20).

Dalam konteks perbincangan artikel ini, sesuatu fatwa yang dikeluarkan mestilah berasaskan realiti masyarakat setempat dan keadaan semasa. Hal ini tidak terkecuali dalam persoalan perwarisan harta yang sifatnya sebagai muamalat atau hubungan sesama manusia yang pastinya memerlukan mekanisme yang bersesuaian dengan realiti semasa bagi memastikan keharmonian dalam keluarga dan masyarakat.

### ■ 3.0 KEPERLUAN IJTIHAD DALAM PENGURUSAN PEWARISAN HARTA

Ruang ijtihad dibuka luas dalam perkara-perkara yang tidak ada dalil khusus yang menentukan kedudukan hukumnya dalam al-Quran mahu pun hadis. Sebahagian besar daripada realiti kehidupan manusia ketika ini adalah sangat berbeza dengan zaman penurunan wahyu, zaman para sahabat, dan zaman seterusnya. Oleh itu, banyak isu-isu masyarakat masakini memerlukan kepada pembaharuan kepada pemahaman hukum fiqh sebagai penyelesaian kepada isu-isu yang memerlukan jawapan dari segi syarak. Hal ini demikian adalah kerana urusan kehidupan semakin kompleks, masyarakat bertambah maju dari sudut pemikiran, tingkahlaku, dan sosiobudaya. Ini ditambah pula dengan perkembangan pesat sistem perhubungan dan teknologi maklumat. Antara contoh isu yang telah ditangani melalui ijtihad ialah bayi tabung uji dan pemindahan organ yang belum pernah

dialami oleh generasi terdahulu. Isu-isu seumpama inilah yang memerlukan kepada ijtihad baru (al-Qaradawi, 1408H).

Berdasarkan hakikat ini, keperluan kepada ijtihad juga sangat mendesak dalam bidang perwarisan harta. Hal ini boleh difahami dengan perkembangan ruang lingkup atau skop yang boleh dikategorikan sebagai harta pusaka, selaras dengan perubahan gaya hidup serta sumber pendapatan masyarakat kini. Selari dengan itu, keperluan kepada ijtihad dalam hal ehwal perwarisan harta juga perlu dilihat dari segi kedudukan lokaliti masyarakat Islam dan kedudukan sosio ekonomi mereka. Perbezaan dari sudut lokaliti inilah membawa kepada keperluan yang berbeza dan seterusnya menyaksikan penetapan hukum yang berbeza dengan lain-lain lokaliti. Berdasarkan hakikat ini, kemungkinan keperluan masyarakat Islam di Singapura adalah berbeza dengan masyarakat Islam di Malaysia. Dalam konteks perwarisan harta, ijtihad-ijtihad baru bagi menangani isu-isu perwarisan di Singapura barangkali berbeza dengan Malaysia. Ijtihad-ijtihad yang sudah tentu melihat kepada realiti semasa masyarakat Islam di Singapura ini, pasti akan menghasilkan ketentuan hukum yang berbeza dengan Malaysia berasaskan perbezaan realiti masyarakat di kedua-dua lokaliti. Oleh yang demikian, apabila sesuatu instrumen agihan harta diputuskan sebagai sah oleh pihak berautoriti mengeluarkan fatwa di Singapura, maka keputusan tersebut dikeluarkan antara lain setelah menilai keperluan masyarakat di negara tersebut walaupun fatwa tersebut adalah berbeza dengan fatwa di Malaysia. Hal ini sebenarnya selari dengan tujuan syariah Islam (*maqasid syariah*) dalam menetapkan hukum sesuatu perkara iaitu untuk mencapai kemaslahatan dan menolak kerosakan daripada berlaku, asal sahaja tidak bercanggah secara jelas dengan dalil-dalil *qat'i*. Salah satu daripada tujuan syariah ialah pemeliharaan harta yang turut merangkumi harta pusaka dalam konteks perbincangan ini (al-Shatibi, t.t.: 2/3-4).

Ijtihad dalam hal ehwal perwarisan harta ini sebenarnya menjadi antara keutamaan di Singapura apabila dilihat dari sudut adanya keperluan ke arah pengeluaran fatwa di dalam bidang tersebut. Menurut Sahibus Samahah Dr. Mohammed Fatris Bakaram, Mufti Negara Singapura (2012) suasana dan realiti kehidupan masyarakat Islam di republik tersebut memerlukan pihak yang berkuasa mengeluarkan fatwa bersifat responsif terhadap isu-isu yang melibatkan perwarisan harta. Menurut beliau, persoalan agama yang dibangkitkan oleh masyarakat dalam tahun 60-an hingga 80-an adalah jauh berbeza dengan persoalan yang ditimbulkan sekarang. Dahulu, banyak persoalan mengenai ibadah seperti puasa, haji, korban dan wakaf. Mulai tahun 90-an, persoalan yang diutarakan kepada jawatankuasa fatwa lebih luas dan kompleks, termasuk merangkumi hal ehwal muamalat seperti isu pemilikan harta, isu harta pusaka, kewangan, perbankan, kontrak, dan seumpamanya. Ini menunjukkan bahawa keperluan masyarakat pada masa kini adalah berbeza berdasarkan perubahan realiti kehidupan, termasuk dari segi ekonomi, politik dan sosio budaya. Misalnya dari segi ekonomi dan pemilikan harta, pada masa kini, 85 peratus penduduk Singapura mendiami rumah-rumah flat yang menjadi aset berharga bagi rakyat Singapura (Berita Minggu Singapura, 13 November 2011). Berdasarkan realiti ini, persoalan mengenai perwarisan di Singapura, terutamanya yang berkaitan dengan aset tak alih akan melibatkan rumah-rumah flat ini. Hal ini sudah tentu berbeza halnya dengan di Malaysia yang kebanyakan isu mengenai perwarisannya melibatkan tanah pusaka. Berasaskan ciri-ciri fizikal kediaman tersebut selain kedudukan masyarakat Islam di Singapura yang rata-ratanya ketinggalan berbanding masyarakat lain dari segi pemilikan aset, maka sewajarnya mekanisme agihan atau penurunan harta kepada waris-waris juga perlu kepada instrumen yang lebih berkesan. Tujuannya adalah untuk menjaga masalah dari sudut pemilikan aset umat Islam di negara yang masyarakat Islam sebagai minoriti. Di sinilah sebenarnya letaknya

peranan ijhtihad sarjana Islam semasa dalam menangani isu-isu sebegini.

Berdasarkan pemerhatian penulis, banyak ijhtihad yang dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dalam pewarisan harta yang melihat kepada keperluan kepada pematuhan terhadap undang-undang negara yang sedia ada, kepentingan menjaga agama serta kemaslahatan masyarakat di Singapura secara umum. Antara isu yang sering menjadi perhatian ialah berkaitan isu berkaitan *joint-tenancy*. *Joint-tenancy* ialah satu bentuk pemilikan yang mana setiap pemilik bersama mempunyai bahagian yang sama di dalam sebuah rumah, tanpa mengira sumbangan peribadi setiap pemilik bersama (www.hdb.gov.sg).

Fatwa berkaitan *joint-tenancy* dikeluarkan bagi menangani isu pewarisan rumah flat yang dimiliki secara bersama oleh suami dan isteri. Jawatankuasa Fatwa MUIS memutuskan bahawa harta tersebut dimiliki bersama secara sama-rata, iaitu dengan nisbah 50 peratus setiap seorang tanpa mengira sama ada setiap dari mereka memberi sumbangan ke arah pemilikan rumah tersebut atau sebaliknya. Bahagian milik si mati ditaksirkan dengan nilai wang dan kemudiannya dibahagikan kepada para waris mengikut hukum faraid.

Fatwa yang sama juga dikeluarkan dalam isu rumah yang dibeli atas nama suami dan ibunya diletakkan sebagai pemilik bersama. Dalam hal ini, Jawatankuasa Fatwa MUIS memutuskan bahawa setelah rumah tersebut dijual, keuntungan bersih daripada penjualannya dibahagi sama-rata antara pemilik dan ibunya, iaitu 50 peratus setiap seorang. Manakala isteri hanya berhak ke atas 50 peratus daripada bahagian suami.

Di dalam *joint-tenancy*, terdapat konsep *right of survivorship*. Dalam *joint-tenancy*, terdapat konsep *right of survivorship* yang bermakna bahawa apabila salah seorang pemilik bersama meninggal dunia, bahagiannya akan berpindah atau diserapkan kepada pemilik bersama yang masih hidup secara automatik walaupun si mati telah pun meninggalkan wasiat yang bertentangan dengan peraturan *right of survivorship* tersebut. Peraturan ini menimbulkan masalah dari segi undang-undang Islam. Sebagai contoh, dalam situasi suami meninggal dunia, secara automatik rumah tersebut seratus peratus jadi milik isteri. Hal yang sama juga jika isteri yang telah memiliki rumah tersebut berkahwin kali kedua dan meletakkan nama suami baru sebagai pemilik bersama rumah tersebut. Apabila isteri meninggal dunia sebelum suami, maka rumah tersebut menjadi milik penuh suami, iaitu bapa tiri kepada anak-anak simati. Persoalannya, bagaimana hak anak-anak si mati yang dijamin melalui hukum faraid? (www.hdb.gov.sg; Berita Minggu Singapura, 13 Nov 2011).

Dianggarkan, 98 peratus daripada pemilikan rumah flat adalah berdasarkan *joint-tenancy*, manakala dua peratus lagi berdasarkan konsep *common-tenancy*. *Common-tenancy* atau *Tenancy-in-Common* ialah satu konsep yang mana setiap pemilik memegang bahagian tertentu dan berasingan di dalam rumah tersebut. Walau bagaimanapun, setiap pemilik bersama berhak menetap di keseluruhan rumah tersebut, tanpa mengira bahagian mereka dalam rumah itu (www.hdb.gov.sg). Jawatankuasa Fatwa MUIS dalam mesyuarat yang diadakan pada 3 April 2008 telah berijhtihad mengeluarkan fatwa mengenai perkara ini seperti berikut (MJF 5 2007-2010):

Sekiranya tidak terdapat sebarang akad perjanjian lain di antara pemilik bersama rumah tersebut, maka rumah yang ditinggalkan si pemilik bersama yang hidup hanya berhak mendapat separuh bahagian (50%) daripada nilai harga rumah tersebut. Bahagian ini diperolehi atas sebab hak beliau sebagai pemilik bersama (*joint-tenant*). Namun, ahli waris yang lain tidak boleh memaksa pemilik bersama rumah itu untuk menjual rumah tersebut, sehinggalah tiba masa yang sesuai baginya untuk melakukan demikian. Pada masa yang sama, beliau (pemilik bersama) juga

tidak boleh menanggukkan penjualan tanpa sebab yang munasabah kerana perbuatan sedemikian akan menzalimi hak waris yang lain. Sekiranya terdapat akad perjanjian lain bagi pembelian rumah tersebut, samada aqad hiba ruqba atau nuzriah, yang menyatakan dengan jelas bahawa rumah tersebut diberikan sepenuhnya kepada pemilik bersama yang satu lagi, maka rumah tersebut menjadi milik penuh pemilik bersama yang masih hidup. Pembahagian rumah tersebut adalah sama seperti yang ditetapkan oleh undang-undang berkaitan *joint-tenancy* di Singapura.

Fatwa ini bertujuan memberi pilihan kepada umat Islam yang memiliki rumah secara *joint-tenancy* (pemilikan bersama). Pilihan pertama, rumah itu dipindah milik sepenuhnya kepada pemilik bersama yang masih hidup setelah meninggalnya pemilik bersama yang seorang lagi. Pilihan kedua, nilai rumah tersebut diagihkan kepada waris pemilikan bersama yang meninggal dunia mengikut faraid (Panduan, 2011: 5).

Menjadi tanggungjawab setiap pemilik rumah Muslim untuk menilai keadaan keluarga dan membuat pilihan berdasarkan keperluan dan masalah keluarga. Kedua-dua keadaan yang diputuskan oleh fatwa tersebut berlaku di dalam masyarakat di Singapura. Dengan demikian, adalah menjadi tanggungjawab sebuah institusi fatwa untuk memberikan pilihan kepada umat Islam yang cenderung kepada pilihan pertama untuk melakukan *nuzriah* atau hibah *ruqba*. Ini adalah untuk memastikan bahawa niat tersebut dinyatakan dengan jelas dan boleh dituruti tanpa diragui oleh mana-mana pihak. Ia juga adalah untuk memastikan bahawa proses pemindahan milik dijalankan secara sah mengikut panduan syarak (Panduan, 2011: 4).

Isu-isu yang dibentangkan di atas merupakan antara contoh bagaimana ijhtihad sangat diperlukan dalam menangani hal ehwal perwarisan harta. Ijhtihad yang dilakukan oleh institusi rasmi kerajaan itu boleh menggunakan tiga pendekatan iaitu sama ada dengan kaedah memilih pandangan-pandangan fiqh yang terkuat daripada mazhab-mazhab yang muktabar, mengeluarkan hukum berdasarkan dalil yang sabit serta bersandarkan kepada objektif syariat secara umum, dan yang terakhir mengeluarkan hukum baru yang tidak pernah dibincangkan oleh ahli fiqh sebelum ini berpandukan kepada dalil-dalil syarak (al-Qaradawi, 1396H).

#### ■4.0 ISU NUZRIAH DALAM PEWARISAN HARTA DI SINGAPURA

Walaupun konsep *nuzriah* telah lama diaplikasi sebagai salah satu instrumen pewarisan harta di Singapura, namun *nuzriah* mula menjadi isu apabila konsep tersebut menjadi pertikaian di Mahkamah Tinggi Singapura dalam kes *Mohamed Ismail bin Ibrahim and Another lwn. Mohammad Taha bin Ibrahim [2004] SGHC 210* (Kes Mal No. 601221, 2001). Dalam kes tersebut, mahkamah memutuskan bahawa *nuzriah* yang berupa pemberian bernilai \$463,000 dalam wasiat Allahyarham Hj. Ibrahim Abdul Samad adalah tidak sah kerana tidak bertepatan dengan prinsip wasiat dalam undang-undang Islam. *Nuzriah* tersebut dipertikaikan oleh dua anak Allahyarham, meskipun surat wasiat itu telah disahkan dan ditandatangani oleh Mufti ketika itu, Tuan Syed Isa Semait serta telah difatwakan keesahannya oleh Jawatankuasa Fatwa MUIS pada 23 Februari 1998 sepertimana yang tercatat dalam Minit Mesyuarat Bulanan Ke-25 Jawatankuasa tersebut. Hakim memutuskan bahawa wang *nuzriah* tersebut sebagai sebahagian daripada dua pertiga harta peninggalan Allahyarham yang wajib diagihkan kepada warisnya mengikut hukum faraid. Satu pertiga lagi harus diberi kepada dua masjid seperti yang dinyatakan Allahyarham dalam surat wasiatnya.

Mengikuti fakta kes *Ismail bin Ibrahim*, Hj. Ibrahim bin Abdul Samad yang meninggal dunia pada 14 September 1997 telah membuat wasiat bertulis pada 9 Disember 1996. Dalam dokumen wasiat tersebut, beliau telah membahagikan hartanya kepada tiga bahagian. Satu pertiga diberikan secara *nuzriah*, iaitu pemberian yang berkuatkuasa tiga hari sebelum sakit yang membawa kepada kematian jika beliau mati kerana sakit atau satu jam sebelum beliau mati jika mati mengejut kepada waris yang ditentukan. Waris-waris tersebut ialah lima orang anaknya termasuk Mohammad Taha (defenden dalam kes ini) yang diperuntukkan sebanyak 15% daripada pemberian tersebut, dua orang cucu, dan seorang isteri.

Manakala satu pertiga lagi diwasiatkan sebagai amal jariah untuk dua buah masjid yang dibahagi sama rata. Sementara satu pertiga lagi dibahagi menurut hukum Faraid kepada semua warisnya termasuk mereka yang telah disenaraikan sebagai penerima *nuzriah* (Fail Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa, minit 24 hingga 28). Haji Ibrahim meninggalkan seorang balu, tiga anak lelaki dan tujuh perempuan. Plaintiff pertama dan kedua, merupakan anak-anak si mati. Manakala defendan merupakan seorang lagi anak yang menjadi pemegang amanah. Plaintiff telah mencabar wasiat tersebut dalam tiga asas iaitu, wasiat tidak bertepatan dengan dasar Islam, wasiat tidak selari dengan mazhab Shafi'i, dan kalimah *nuzriah* tidak terdapat dalam mana-mana rujukan perundangan Islam, serta keesahan pembahagian harta pewaris dari sudut undang-undang. Pihak plantif dengan alasan-alasan tersebut menolak fatwa yang mengesahkan wasiat dengan menggunakan konsep *nuzriah* dan memohon perintah bahawa *nuzriah* kepada adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan.

Dua orang anak si mati, yang juga merupakan penerima *nuzriah* telah menolak hak mereka dengan membuat pengisytiharan berkanun serta memfailkan saman pada 24 Ogos 2001. Permohonan telah dipinda pada 11 September 2001 bagi mendapatkan perintah agar aqun dalam surat wasiat Allahyarham Haji Ibrahim bin Abdul Samad @ Nordin Bin Samad, bertarikh 9 Disember 1996 hanya sah sekiranya mengikut faraid. Turut dinyatakan bahawa wasiat kepada dua buah masjid masih dalam satu pertiga harta pewasiat dan baki dua pertiga saham perlu dibahagikan kepada ahli waris mengikut sijil pewarisan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Singapura bertarikh 2 Mac 1998.

Dalam kes ini, plantif membawa pandangan pakar syariah yang menyatakan bahawa wasiat yang dibuat oleh Haji Ibrahim tidak sah di bawah undang-undang Islam. Plantif berhujah bahawa Islam tidak membenarkan wasiat yang dibuat kepada waris pusaka yang sah. Manakala terma *nuzriah* tidak pernah dibahaskan dalam mana-mana buku atau karya yang dihasilkan oleh ulama fiqh. Sebaliknya menurut plaintiff lagi, hanya perkataan *nazar* (sumpah) terdapat dalam beberapa rujukan yang utama antaranya *Minhaj al-Talibin* karangan Imam al-Nawawi, dan disebut oleh Dr. Ahmad Ibrahim, dalam bukunya, *Islamic Law in Malaya*.

Menurut plantif lagi, Almarhum telah melakukan wasiat satu pertiga daripada hartanya kepada dua buah masjid. Oleh kerana itu, sekiranya beliau membuat apa-apa wasiat lain setelah wasiat pertama melalui *nuzriah*, maka hal ini akan melanggar peraturan satu pertiga dalam wasiat Islam yang bertentangan dengan undang-undang Islam. Jika pemberian itu hendak dipertimbangkan sebagai wasiat (*bequest*), *nuzriah* akan melanggar peraturan yang melarang wasiat kepada ahli waris kerana hak mereka telah ada di bawah hukum faraid. Namun, sekiranya pemberian tersebut dianggap sebagai hibah (*gift*), *nuzriah* akan melanggar peraturan yang mana hadiah mesti disempurnakan dengan pemindahan hak atau milik kepada penerima. Tambahan pula, ianya juga melanggar peraturan hibah yang secara asasnya perlu diberikan secara sama rata dalam kalangan anak-anak.

Sungguhpun demikian, hujah-hujah di atas adalah bertentangan dengan fatwa bertarikh 1 Jun 1999 yang dikeluarkan sebagai jawapan kepada pertanyaan firma guaman Mallal & Namazie yang mewakili defendan. Fatwa tersebut menyatakan bahawa *nuzriah* bukannya wasiat. Oleh kerana itu, pemberian atas dasar *nuzriah* tidak ada had maksimum dan boleh diberikan kepada orang yang sama serta tidak melanggar undang-undang Islam. Seterusnya, fatwa yang dikeluarkan pada 3 Ogos 1998 pula menyatakan bahawa *nuzriah* adalah akad yang sah dan masih berkuatkuasa walaupun pihak atau pihak-pihak yang diberikan pemberian tersebut menafikan haknya ke atas bahagian *nuzriah* tersebut. Dalam keadaan ini, penerima *nuzriah* tersebut masih boleh memberi haknya kepada sesiapa yang diinginkan. Pada 5 April 2002, Tuan Haji Maarof Salleh, Presiden MUIS ketika itu mengeluarkan surat pengesahan ke atas segmen *nuzriah* dalam kes ini dan telah dibentangkan dalam affidavit defendan pada 9 April 2002. Ini bertujuan bagi menguatkan lagi hujah pihak defendan dalam kes ini.

Manakala defendan pula membawakan keterangan pakar syariahnya iaitu Tuan Syed Isa Semait, Mufti Singapura yang juga pengerusi Jawatankuasa Fatwa ketika itu. Beliau menyatakan bahawa pemberian melalui *nuzriah* tersebut adalah sah. Selanjutnya dinyatakan bahawa pemberian tersebut dan wasiat satu pertiga daripada harta pewasiat kepada dua buah masjid berkenaan merupakan jalan keluar kepada pewasiat agar dapat menunaikan niat untuk membuat kebajikan semasa hayatnya, disamping dapat menyelesaikan beberapa keperluan dalam pewarisan harta.

Kenyataan ini disokong oleh fatwa Mufti Republik Arab Mesir, Dr. 'Ali Jumu'ah bertarikh 23 Jun 2004 (No Ruj: 166/485), sebagai jawapan kepada surat yang dihantar oleh Mallal & Namazie yang mewakili pihak defendan bertarikh 24 Mei 2004 (No Ruj. MMN/zb/498/97/gy), seperti berikut:

Jawapan: Nazar adalah antara perkara yang disyariatkan Allah s.w.t. dan wajib ke atas manusia melaksanakan nazarnya yang baik. Bersandarkan firman Allah s.w.t. (al-Hajj, 22: 29) dan berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Rasulullah s.a.w. Baginda telah berkata kepada salah seorang sahabatnya "Tunaikanlah nazar kamu". Dan bersabda s.a.w., barangsiapa bernazar untuk melakukan taat kepada Allah, maka lakukanlah dan barangsiapa bernazar untuk melakukan makasiat kepada Allah, maka tinggalkanlah makasiat itu (al-Bukhari).

Persoalan yang dibangkitkan, moga-moga yang ampunya nazar tergolong dalam nazar yang benar. Oleh kerana, beliau bernazar dengan nazar yang mu'allaq (bersyarat) dan dia adalah nazar yang benar, wajib iltizam dengan "al-mu'allaq 'alaih" (perkara yang dinazarkan - penulis) sekalipun belum berlaku kematian satu jam jika mati secara tiba-tiba dan sebelum sakit yang membawa maut. Maka, setiap mereka yang tergolong dalam "al-manzur ilaihim" (orang yang mendapat nazar - penulis) mengambil bahagian mereka dalam nazar tersebut, seperti yang dijelaskan oleh "al-Nazir" (penazar - penulis) dalam surat nazarnya. Adapun yang ditetapkan olehnya dan dijadikan wasiat untuk dua masjid, maka ianya dilaksanakan juga daripada dua pertiga setelah nazar. Harta peninggalan (al-tarikah) dibahagikan satu-pertiga antara dua masjid sama rata seperti yang tertera dalam dokumen nazar. Kerana, syarat "waqif" (pewakaf - penulis) seperti nas Shari' (dalil al-Quran) tidak harus diabaikan. Bakinya, dibahagikan ke atas ahli waris semuanya. Semua mengikut bahagian yang ditetapkan oleh syarak samada termasuk dalam nazar atau tidak, dan pembahagian "al-Tarikah" di kalangan waris seperti berikut, isteri satu perlapan "fardhan" (wajib) kerana ada "far'al-warith" (anak-anak). Firman Allah dalam surah (al-Nisa', 4:12) bermaksud, "Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperdelapan dari harta yang kamu tinggalkan, dan baki dibahagikan diantara anak lelaki dan anak perempuan kesemuanya lelaki dua bahagian daripada bahagian

perempuan.” Adapun apa yang disebut dalam kitab, *Sharh al-Yaqut al-Nafiz* mengenai keesahan *nuzriah*, ia adalah benar, selari dengan mazhab sebahagian ahli fikah.

## ■ 5.0 KEDUDUKAN *NUZRIAH* DALAM ISLAM

Untuk mengupas kedudukan *nuzriah* dalam perundangan Islam, maka perlu terlebih dahulu dibincang mengenai *nazar* kerana konsep konsep kedua-duanya adalah sama.

Nazar dari segi bahasa, berasal daripada perkataan Arab, iaitu *nazara* yang bererti mewajibkan (al-Munjid, 1987: 800; Ibn Manzur, 1968, 6/4391). Manakala dari segi istilah, bermaksud janji baik atau buruk (al-Ramli, 1984, 8:219), azam untuk melakukan perbuatan yang mendekatkan diri kepada Allah dengan melafazkan dengan kata-kata (al-Shatiri, 2007: 866), atau janji terhadap diri sendiri untuk melakukan ibadah, sedekah, dan sebagainya sama ada secara bersyarat atau pun tidak (Aziz Salim Basyarahil, t.t. : 41). Ia juga bermaksud sumpah, atau pengakuan bersumpah bahawa seseorang akan melakukan sesuatu atau menyerahkan sebahagian hartanya bagi sesuatu tujuan yang dibenarkan oleh Syarak (Panduan, 2011: 4).

*Nazar* merupakan satu amalan yang asasnya terdapat terdapat dalam al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Firman Allah s.w.t.:

Terjemahan: Kemudian hendaklah mereka menghilangkan kotoran yang ada pada badan mereka dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka dan hendaklah mereka melakukan tawaf sekeliling rumah yang tua itu (Baitullah) (al-Hajj, 22 :29)

Allah s.w.t memuji orang yang melakukan kebajikan termasuk menunaikan *nazar* sebagaimana firman Allah:

Terjemahan: Mereka menunaikan nazar dan takut akan suatu hari yang azabnya merata di mana-mana (al-Insaan, 76 :7)

Rasulullah s.a.w. pula memerintahkan agar orang yang bernazar menunaikan nazar tersebut jika nazar itu merupakan satu ketaatan kepada Allah. Sebaliknya, jika nazar itu adalah nazar ke arah maksiat, Baginda melarang daripada melakukannya. Sabda Rasulullah s.a.w. dalam hal ini:

Terjemahan: Barangsiapa bernazar untuk mentaati Allah, maka taatilah Ia. Barangsiapa bernazar untuk melakukan maksiat kepada-Nya, maka janganlah melakukan maksiat kepada-Nya (al-Bukhari, 1986: 11/589)

Seorang sahabat bernama ‘Aqabah bin Amir pernah menceritakan bahawa adik perempuannya bernazar untuk pergi haji dengan berjalan kaki dan tanpa tutup kepala. Lalu beliau memberitahu hal tersebut kepada Rasulullah s.a.w dan kemudian Nabi bersabda:

Terjemahan: Suruhlah adikmu pergi dengan naik kenderaan. Sesungguhnya Allah tidak memerlukan penyaksian adik kamu (al-Bukhari, 1986: 11/590)

Suruhan menunaikan nazar dalam ajaran Islam sangat dititik beratkan sehinggakan jika orang yang bernazar meninggal dunia sebelum sempat melaksanakan nazarnya maka walinya berkewajipan menunaikannya, kecuali nazar berkaitan ibadah yang tidak boleh diwakilkan seperti solat dan puasa. Hal ini berdasarkan kepada satu hadis dari Ibn ‘Abbas r.a. Dirikan dalam hadis tersebut bahawa seorang sahabat datang kepada Rasulullah s.a.w. dan berkata, “*Wahai Rasulullah, kakak perempuanku bernazar untuk menunaikan haji tetapi dia telah meninggal dunia (sebelum sempat menunaikannya)*”. Lalu

Rasulullah s.a.w. bersabda, “*Jika dia berhutang apakah kamu yang membayar hutangnya?*” Orang itu menjawab, “*Ya*”. Rasulullah s.a.w. bersabda, “*Hutang kepada Allah s.w.t. lebih berhak untuk dibayar*” (al-Bukhari, 1986: 6321).

Satu riwayat lain daripada Ibn ‘Abas bahawa Sa‘ad bin ‘Ubadah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang *nazar* ibunya yang telah meninggal dunia sebelum melaksanakannya. Rasulullah s.a.w. bersabda, “*Laksanakan atas namanya*” (Muslim, 1996: 1638).

Kebanyakan ulama membahagikan nazar kepada dua iaitu *nazar lajaj* dan *nazar tabarrur*. *Nazar lajaj* ialah nazar yang bertujuan untuk melakukan sesuatu atau tidak melakukannya dengan mensyaratkan perkara-perkara berbentuk ibadah. Misalnya, seseorang berkata, “*Jika aku tidak masuk rumah, maka wajib atasku menderma satu ringgit*”, “*Sekiranya aku bercapuk dengan Umar maka wajib atasku menderma satu ringgit*” atau “*Jika perkara tersebut tidak berlaku sebagaimana yang aku katakan, maka wajib atasku derma satu ringgit*”. Hukum syarak memberikan pilihan bagi orang yang melaksanakan membuat *nazar lajaj* sama ada untuk menunaikannya atau membayar denda (al-Haytami, 10: 71; al- Qunuji, 1988: 171).

Manakala *nazar tabarrur* ialah nazar untuk membuat ketaatan. Nazar jenis ini boleh berlaku secara mutlak (tiada ikatan) seperti seseorang berkata, “*Wajib atasku bersedekah satu ringgit*” dan boleh juga dalam bentuk yang dikaitkan dengan berlakunya sesuatu atau tidak, seperti mengatakan, “*Jika Allah menyembuhkan penyakitku, maka wajib atasku bersedekah satu ringgit*”. Hukum melaksanakan *nazar tabarrur* yang mutlak adalah wajib. Manakala bagi nazar yang dikaitkan, pelaksanaannya menjadi wajib sekiranya peristiwa yang dikaitkan itu benar-benar berlaku. Jumhur ulama berpendapat bahawa nazar yang berupa harta, bila orangnya wafat maka wajib diambil dari hartanya sebelum dibahagikan kepada waris, meskipun nazar itu tidak disebut sebagai wasiat. Apabila nazar diucapkan dalam keadaan sakit sebelum wafat maka harus diambil dari batas maksimum satu pertiga kerana ia dianggap sebagai wasiat. Nazar sebagaimana juga wasiat tidak boleh dari seluruh hartanya (al-Shatiri, 2007: 873-874; al-Haytami, 10: 71; al-Qunuji, 1988: 171; al-Jazairi, 1990: 52-53; Aziz Salim Basyarahil, t.t. : 43).

*Nazar* perlu disertakan niat dengan lafaz yang jelas menunjukkan *nazar*, dengan menyebut apa yang dijanjikan terhadap diri sendiri (Aziz Salim Basyarahil, t.t.: 45). Tidak boleh bernazar dalam perkara-perkara maksiat, seperti dalam hadis Abu Hurairah r.a. yang menyebut tentang keizinan bernazar dalam perkara taat dan melarang nazar dalam perkara maksiat (Muslim, 1996: 11/99). Berkata al-Shaukani, hadis-hadis yang berkaitan mengenai perkara ini banyak sekali (al-Qunuji, 1998: 2/ 171).

Konsep *nuzriah* yang dilaksanakan sebagai instrumen perwarisan harta di Singapura ketika ini sebenarnya menyamai bahkan berasal daripada konsep nazar itu sendiri sungguhpun istilah *nuzriah* tidak pernah dibincangkan secara khusus oleh mana-mana ulama sebelum ini. Menurut Tuan Syed Isa Semait (29 Disember 2012), mantan Mufti Negara Singapura, istilah *nuzriah* daripada perkataan nazar, iaitu nazar kecil dan kedua-dua perkataan membawa maksud sama iaitu sumpah atau janji.

Mengikut buku *Panduan Bagi Muslim Membeli dan Memiliki Rumah HDB Secara Joint- Tenancy* (2011: 7) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), *nuzriah* diterima sebagai sah dan boleh berkuatkuasa sekiranya memenuhi syarat-syarat sepertimana dalam hukum *nazar*. *Nuzriah* juga mesti dilakukan dengan lafaz sumpah yang ditulis dengan tepat, disaksikan oleh dua orang lelaki Muslim yang adil (tidak fiasiq) serta ditentukan tempoh tertentu sebelum kematian untuk *nuzriah* tersebut dilaksanakan. Kebiasaannya, tempoh yang ditetapkan ialah tiga hari sebelum kematian pembuat *nuzriah*. *Nuzriah* itu juga mestilah bebas daripada unsur penganiayaan atau kezaliman

sebagaimana firman Allah s.w.t. (*Terjemahan*), “Dan tidaklah kamu menzalimi dan dizalimi.” (al-Baqarah, 2:29).

Dilihat dari perspektif akad (kontrak), *nuzriah* merupakan satu bentuk pemberian (hibah) semasa hidup. Oleh kerana sifatnya sebagai akad, maka pembentukan *nuzriah* tertakluk kepada rukun-rukun yang telah ditentukan iaitu pernyataan yang menyatakan keinginan pemilik harta untuk membuat nazar (disebut sebagai *sighah*), penazar, penerima nazar, dan harta yang menjadi subjek nazar. Seseorang penazar mestilah seorang Islam, membuat nazar dengan pilihannya sendiri, boleh melaksanakan transaksi, dan berkemampuan (al-Shatiri, 2007: 867-868).

Sungguh pun *nuzriah* adalah satu bentuk pemberian semasa hidup pemilik harta, namun dilihat dari sudut pelaksanaannya adalah berbeza. Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili (1989: 5/5), hibah merangkumi hadiah dan sedekah. Namun, prinsip-prinsip ini dibezakan dengan melihat kepada tujuan pemberian itu dilakukan. Jika tujuannya untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan disasarkan kepada yang memerlukan, maka dianggap sedekah. Jika diberikan kepada penerima untuk memuliakannya dan kasih sayang, maka ia dianggap hadiah.

Dibawakan secara ringkas perbezaan antara *nuzriah*, hibah, hadiah, sedekah seperti yang dirumuskan oleh Dato’ Hj. Ismail bin Yahya, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dalam kes *Harun bin Muda dan lain-lain lwn. Mandak binti Mamat [1999] 1 JH 63*. Perbezaan tersebut menurut beliau boleh dirumuskan seperti berikut:

- a. Pemberian kepada seseorang yang berhajat tanpa lafaz ijab dan qabul adalah sedekah.
- b. Pemberian kepada seseorang yang berhajat yang disertai lafaz ijab dan qabul, maka ia adalah sedekah dan hibah. Namun, penulis berpendapat bahawa sedekah adalah berbeza dengan hibah dari sudut keperluan kepada akad yang mana sedekah tidak memerlukan kepada ijab dan qabul (Nasrul Hisyam, 2010: 22).
- c. Pemberian kepada seseorang kerana memuliakan orang tanpa lafaz ijab dan qabul, ia adalah hadiah.
- d. Pemberian kepada seseorang kerana memuliakannya dengan lafaz ijab dan qabul, ia merupakan hadiah dan hibah.
- e. Pemberian bukan kerana untuk mendapat pahala dan bukan pula kerana memuliakan orang yang diberi itu dengan disertai lafaz ijab dan qabul, maka pemberian tersebut hanya hibah semata-mata.

Penulis berpendapat, pemberian semasa hidup kepada seseorang yang berhajat atau memuliakannya dengan niat untuk mendapat pahala serta beriltizam dengannya tanpa disertakan lafaz nazar kerana Allah, maka pemberian tersebut boleh dianggap sebagai hadiah semata-mata.

Dalam konteks pelaksanaannya di Singapura, *nuzriah* boleh dikategorikan sebagai *akad tabarru’* (akad sepihak yang dibuat secara percuma) yang sempurna hanya dengan kehendak penazar tanpa perlu kepada penerimaan (*qabul*) daripada penerima. Ertinya, *nuzriah* dikira sah dengan hanya penazar menyatakan hasratnya untuk menazarkan sesuatu kepada penerima nazar tanpa disyaratkan penerima nazar itu bersetuju dengan nazar tersebut. Dari sudut ini, *nuzriah* adalah sama dengan konsep hadiah yang juga tidak memerlukan pihak penerimanya menyatakan penerimaan sejurus selepas ijab. Sungguh pun demikian, perbezaannya adalah terletak kepada ciri prinsip hadiah yang tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik, berbeza dengan *nuzriah* yang mana penazar boleh membatalkan nazarnya selama mana dia masih hidup. (Muhammad al-Sharhini al-Khatib, t.t.: 4/63-64).

Selain itu, sesuatu *nuzriah* tidak akan berkuat kuasa selagi tempoh pemindahan milik yang disyaratkan belum tiba. Jadi,

*nuzriah* berbeza dengan wasiat kerana nazar secara umum, merupakan sejenis transaksi yang tidak boleh dibatalkan dan kesannya tidak boleh ditangguhkan selepas kematian penazar. Sedangkan dalam wasiat, pelaksanaannya hanya berlaku setelah kematian pewasiat dan tidak boleh dilaksanakan semasa hayat pewasiat, mahupun secara serta merta selepas akad wasiat dibuat. Ini bermaksud pindahan milik (*taking possession* atau *qabd* harta wasiat berlaku selepas kematian pewasiat).

Berkenaan syarat pindahan milikan pada harta *nuzriah* sepertimana yang dipraktikkan di Singapura, ia sedikit berbeza dengan prinsip hibah. Dalam hibah, pindah milik harta secara asasnya mesti dilakukan secara serta merta selepas akad (Nasrul Hisyam, 2009: 243-266). Manakala dalam *nuzriah*, ia dilakukan pada masa yang telah ditentukan dalam dokumen *nuzriah* itu ditandatangani, kebiasaannya ditetapkan tempoh beberapa hari sebelum kematian pemilik harta sungguh pun masih dalam masa hayatnya.

Daripada kenyataan di atas, penulis ingin menegaskan bahawa *nuzriah* yang dipraktikkan sebagai instrumen perwarisan harta di Singapura adalah berbeza dengan prinsip hibah dan wasiat. Hal ini bertepatan dengan hujah yang dibawa oleh pihak plaintif dalam kes *Mohamed Ismail bin Ibrahim and Another lwn. Mohammad Taha bin Ibrahim [2004] SGHC 210*. Walau bagaimanapun, fakta bahawa *nuzriah* tidak menepati wasiat atau pun hibah tidak beerti ia tidak selari dengan syariah. Dengan erti kata lain, meskipun perkataan *nuzriah* tidak ada disebut secara khusus dalam kitab-kitab fiqh, sepertimana yang dihujahkan oleh plaintif, ini tidak bermakna hakikat *nuzriah* itu perlu ditolak kerana tidak sah mengikut hukum syarak. Bertitik tolak daripada kenyataan ini, *nuzriah* merupakan satu akad yang tersendiri yang berasingan daripada wasiat mahu pun hibah. Oleh kerana itu, adalah menjadi satu kesilapan untuk merujuk kepada rukun dan syarat yang terdapat dalam kedua-dua prinsip wasiat dan hibah bagi menentukan kesahan *nuzriah* tersebut. Jika wasiat dan hibah diambil sebagai rujukan untuk tujuan tersebut, sudah pasti kedudukan pembahagian harta yang dibuat menerusi *nuzriah* dikatakan sebagai tidak menepati hukum syarak.

Kelahiran prinsip *nuzriah* ini sebenarnya adalah manifestasi daripada usaha-usaha ijtihad oleh para ilmuwan tempatan dalam menangani permasalahan masyarakat Islam dari perspektif yang bersesuaian dengan realiti semasa. Prinsip *nuzriah* yang diperkenalkan ini, meskipun tidak pernah dibincang dan diamalkan oleh masyarakat Islam zaman lampau, adalah bersesuaian dengan kepentingan atau masalah umat Islam, adat kebiasaan masyarakat (*urf*), dan juga tujuan syariat (*maqasid al-syari’ah*).

‘Urf atau adat kebiasaan sesuatu masyarakat diterima sebagai salah satu daripada sumber penentuan hukum dalam Islam. Oleh itu, ulama usul meletakkan kaedah penting iaitu *Tidak dinafikan berubah hukum dengan berubahnya zaman*. Hukum berlandaskan al-‘Urf ini boleh diaplikasikan (al-Qarafi, 1960: 1/178). Kaedah fiqh jelas menunjukkan bahawa ‘Urf memainkan peranan penting dalam menentukan sesuatu hukum. Sebagai contoh, ‘Urf di Singapura tidak dapat disamakan dengan ‘Urf di Malaysia dan begitu sebaliknya. Kerana keperluan masyarakat dan cara kehidupan berbeza dan hukum juga berbeza. Begitu juga halnya dengan isu *nuzriah*, ianya hanya satu jenis akad pewarisan harta yang mungkin sesuai diaplikasikan di sebahagian tempat dan tidak sesuai di tempat yang lain. Malah, mungkin aplikasinya hanya sesuai untuk individu secara khusus dan tidak sesuai untuk masyarakat umum.

Pertimbangan bagaimana amalan nazar ini dibuat bagi menjaga masalah keluarga dan waris telah dibincangkan oleh al-Shatiri (2007: 868-869) ketika mengulas tentang hukum membuat *nazar* rumah kepada anak lelaki, manakala hak untuk tinggal diberi kepada anak perempuan selama tempoh hayat mereka.

Menurut beliau, perkara ini banyak diamalkan oleh alim ulama pada masa dahulu. Mereka melakukan demikian kerana bimbang berlakunya perselisihan di antara anak-anak, atau bimbang dominasi orang luar (seperti menantu) terhadap rumah tersebut. Selain itu, terdapat juga amalan nazar berupa pemberian barang perhiasan kepada anak perempuan yang dipakai pada hari perkahwinan mereka. Nazar terhadap barang perhiasan tersebut dibuat supaya tidak timbul pertikaian dalam kalangan adik-beradik pada barangan perhiasan tersebut selepas kematian pemilik harta. Kadangkala mereka bernazar untuk isteri, ibu atau anak-anak yang masih kecil dengan perkakas rumah. Hal ini dibuat kerana bimbang berlaku perebutan ke atas harta tersebut setelah ketiadaan pemilik harta tersebut. Perkara ini juga dibuat berasaskan pertimbangan bahawa peralatan rumah dan juga barangan tertentu susah untuk dibahagi-bahagikan antara mereka. Mungkin jika dijual sekalipun, hasil jualannya tidak seberapa dan ini merugikan dari sudut perkiraan untung ruginya. Sekaligus, dengan membuat nazar terhadap harta yang dimiliki, pertelingkahan antara waris dapat dielakkan. Ini sudah tentu selari dengan syariah Islam yang sentiasa ingin menjaga masalah umatnya dan sekaligus menghindari keburukan daripada setiap ketapan hukum syarak yang dilaksanakan.

Walaupun bagaimanapun, menurut al-Shatiri (2007: 869) kebanyakan masyarakat awam tidak melakukan nazar sebagaimana di atas dan tidak mengkhhususkan pemberian kepada anak-anak mereka. Suruhan agar harta diagih-agihkan antara anak-anak ini adalah berdasarkan hadis riwayat (al-Bukhari: 1986, 5/211. No. 2586, 2650).

Terjemahan: Sesungguhnya Nu'man Ibn Bashir al-Ansari r.a. berkata, "Ayahku telah menghadiahkan suatu pemberian. (Namun ibuku) 'Umrh binti Rawahah tidak rela sehingga Rasulullah s.a.w. menyaksikannya". Maka pergilah (bapaku Bashir Ibn Sa'ad) bertemu Rasulullah s.a.w. seraya berkata, "Saya telah memberi anak saya daripada 'Umrh binti Rawahah suatu pemberian. Namun, beliau (isteri saya) meminta agar kamu menyaksikannya wahai Rasulullah s.a.w.". Baginda bersabda, "Adakah kamu memberi kepada semua anak-anak kamu serupa juga?" Jawabnya, "Tidak". Bersabda (Nabi s.a.w.), "Bertaqwalah kepada Allah, berlaku adil kepada semua anak-anak kamu". Maka, beliau pulang dan menarik balik pemberiannya.. Dalam riwayat lain, Berkata Baginda, aku tidak boleh menjadi saksi dusta..

Terdapat pelbagai pandangan ulama mengenai nazar kepada sebahagian daripada anak. Sebahagian ulama mengharuskan *nazar* kepada anak-anak, selagi tidak berniat untuk menafikan hak waris yang lain (Muhammad Ibn Ahmad, 2007: 869). Menurut Abi Tayyib dan Imam al-Shaukani, *nazar* kepada sebahagian anak dan tidak kepada sebahagian yang lain termasuk dalam ketogeri *nazar* maksiat. Membeza-bezakan antara anak atau melebihi (*tafdil*) diantara waris, menurut mereka bertentangan dengan syariat Allah s.w.t. (al-Qunuji, 1998: 171). Pandangan ini disokong oleh Ibn Ziyad dan lainnya daripada ulama Yaman (al-Shatiri, 2007: 868; 'Abd Rahman, 2000: 11).

Jumhur fuqaha berpendapat bahawa hukum pemberian samarata adalah sunat dan tidak wajib. Melebihi pemberian kepada sebahagian anak walaupun suatu yang dibenci (makruh) tidak memberi kesan kepada keesahan akad hibah. Asas pendapat ini adalah berdasarkan *qiyas* (analogi) kepada *ijmak* (konsensus) bahawa sah seseorang menghibahkan keseluruhan hartanya kepada orang luar. Jika hibah kesemua harta kepada orang luar adalah harus, maka hibah kepada salah seorang daripada anak penghibah adalah lebih diutamakan. Pendapat ini bersandarkan tindakan para sahabat, antaranya Abu Bakar r.a. melebihi hibahnya kepada 'Aishah. 'Umar al-Khattab pula melebihi

anak lelaki beliau 'Asim. Ibn 'Umar melebihi sebahagian anaknya berbanding yang lain (Nasrul Hisyam, 2011: 106).

Terdapat pendapat dalam mazhab Hanbali bahawa membeza-bezakan pemberian adalah diharuskan apabila ada sebab-sebab tertentu yang memerlukan ibu bapa berbuat demikian. Antaranya, diharuskan melebihi pemberian kepada anak-anak yang cacat dan tidak mampu untuk berdikari, anak yang mempunyai bilangan anak yang ramai, anak yang miskin, dan anak yang sedang belajar. Begitu juga harus tidak menghibahkan anak-anak yang buruk tingkah-laku dibimbangi akan melakukan dosa (Nasrul Hisyam, 2011: 105). Menurut Ibn Hajar, jika seseorang menazarkan hartanya kepada sebahagian waris satu hari sebelum sakit membawa maut, maka waris tersebut memiliki semua harta tersebut, tanpa berkongsi dengan waris lain kerana pemilik harta telah hilang hak pemilikan hartanya sebelum sakit yang membawa maut dan harta tersebut tidak dikira sebagai harta pusaka yang perlu diagihkan mengikut faraid (al-Haytami, 2001: 10/ 78).

Prinsip *nuzriah* yang diamalkan di Singapura lebih mengambil kira kepentingan (masalah) keluarga terdekat yang hidup. Sebagai contoh, seseorang membuat *nuzriah* menyerahkan rumah kepada isterinya dengan niat agar rumah tersebut tidak dituntut oleh ahli waris lain sehingga isterinya tiada tempat berteduh. Sungguh pun hal ini adalah tidak bertepatan dengan galakan memberikan harta secara sama rata dalam kalangan waris berdasarkan pandangan jumhur fuqaha, namun terdapat masalah yang jelas untuk menjaga kepentingan isteri dan anak-anak dalam konteks menjamin penyediaan tempat tinggal kepada mereka setelah ketiadaan suami dan bapa. Amalan *nuzriah* sebegini adalah lebih mendekati pandangan mazhab Hanbali ([www.muis.gov.sg](http://www.muis.gov.sg). Irsyad, 2009; Ibn Qudamah. t.t.:10/98).

Terdapat beberapa situasi dan keadaan yang mana *nuzriah* dalam pewarisan harta digunapakai oleh individu tertentu sebagai jalan penyelesaian untuk mencapai keadilan dalam mengagihkan harta pusakanya. Apa yang jelas dalam masyarakat Singapura yang penganut Islam menjadi penduduk minoritinya, *nuzriah* adalah penting bagi memastikan kesinambungan pemilikan harta (terutamanya harta tetap) di tangan orang Islam. Ini sudah tentu melihat kepada masalah yang lebih besar, iaitu survival umat Islam di republik tersebut. Amalan *nuzriah* juga penting dalam memastikan kebajikan keluarga terdekat, terutamanya anak dan isteri terjamin. Dalam konteks ini, *nuzriah* yang dibuat oleh bapa dan suami tersebut dapat memastikan bahawa rumah kediaman dapat dipindah milik kepada anak atau isteri yang sudah pasti memerlukan tempat tinggal setelah ketiadaan bapa atau suami mereka. Jika seseorang melepaskan atau memindahkan bahagiannya pada rumah yang dimilikinya secara bersama kepada isteri atau anak tanpa menunggu masa yang sesuai, dikhuatiri berlaku perkara-perkara negatif yang tidak diinginkan terhadap suami atau bapa tersebut. Termasuk dalam perkara ini ialah berlakunya perceraian, anak menghalau keluar ibu bapa (pemilik asal) dari rumah, anak sebagai pemilik baru memperlakukan sewenang-wenangnya terhadap rumah tersebut tanpa keinginan bapa, dan seumpamanya. Dalam hal ini, ternyata bahawa *nuzriah* boleh dijadikan instrumen dalam merancang perwarisan harta orang-orang Islam.

Selain kenyataan di atas, *nuzriah* boleh juga diamalkan dalam konteks untuk mengagihkan harta tertentu kepada individu tertentu dalam keluarga atas sebab-sebab yang bersesuaian dengan kepentingan pemilik harta dan penerima nazar. Misalnya, harta dinazarkan kepada seseorang anak sebagai penghargaan atas peranan dan tanggungjawabnya menjaga bapa (pemilik harta) yang uzur. Begitu juga seorang bapa menazarkan harta kepada anak bongsunya yang masih kecil belum mampu berdikari bagi menjaga kepentingan anak tersebut setelah ketiadaan bapa, berbanding anak-anaknya yang lain yang telah dewasa dan mampu berdikari (al-Shatiri, 2007: 867).

## ■6.0 KEDUDUKAN FATWA NUZRIAH DI SINGAPURA

Kedudukan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa MUIS adalah tidak mengikat (*binding*), melainkan jika fatwa tersebut diwartakan (*gazetted*). Hal ini termasuk fatwa yang mengesahkan amalan *nuzriah* di Singapura. Oleh itu, mahkamah mempunyai kuasa undang-undang untuk membicarakan kes-kes tuntutan harta yang dibawa ke mahkamah sekalipun adanya fatwa (tidak diwartakan) telah dikeluarkan sama ada mengakui atau tidak terhadap tuntutan tersebut. Dengan demikian, mahkamah berhak untuk memutuskan kes tersebut berbeza dengan fatwa yang telah dikeluarkan. Dalam kes *Mohamed Ismail bin Ibrahim and Another lwn. Mohammad Taha bin Ibrahim [2004] SGHC 210*, mahkamah tinggi Singapura telah disebutkan sebelum ini (Aidil Zulkifli, 2010).

Namun, keputusan mahkamah dalam kes tersebut tidak merubah pendirian Jawatankuasa Fatwa dan fatwa yang telah dikeluarkan. Pendirian ini dijelaskan oleh Ustaz Nazirudin Mohd Nasir, Penolong Pengarah, Unit Strategik Pejabat Mufti, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) mengenai *Joint-Tenancy*, seperti berikut:

The Islamic Religious Council of Singapore (MUIS) respects the Court of Appeal's ruling that in cases involving properties held in joint tenancy, the general law takes precedence over fatwas. (Inheritance dispute: 'General law will prevail over fatwa).

MUIS recognises that its fatwas should remain relevant and helpful to Muslims in Singapore in providing solutions or opinions on issues relating to the Muslim religion. (updated fatwa on April 3, 2008). The updated fatwa puts forth a religious position that is consistent with the general law on joint tenancy in Singapore, by suggesting the use of Islamic legal instruments that can harmonise the civil and religious laws on this issue, while at the same time providing an option for Muslims who wish to follow the laws of inheritance, or faraid.

The fatwa suggests the types of Islamic legal instruments (such as the Nuzriah/Hibah ruqba) that Muslims may use if they wish to affirm their intention for jointly held property to vest in the surviving joint tenant, upon death. In this case, the Nuzriah/Hibah ruqba serves as an expression of religious intent by the joint tenant, and its effect on the ownership of the property is similar to the right of survivorship. As such, the updated fatwa seeks to avoid disputes from taking place in the court of law between beneficiaries and surviving joint tenants.

The fatwa also recognises that Muslim surviving joint tenants may wish to distribute the deceased's share of the property to the deceased's heirs in accordance with Muslim inheritance law. In such an instance, especially in cases where the deceased's beneficiaries (such as parents or children) still live in the property, the surviving joint tenants are not obliged nor should they be compelled to immediately dispose or sell the property, in order for the beneficiaries to realise their share of the estate. MUIS has worked with key stakeholders like the Muslim Financial Planning Association and lawyers to explain this position as well as the fatwa. We will continue to familiarise the Muslim community on this issue" (www.muis.gov.sg)

Pendirian ini dikuatkan lagi dengan kenyataan oleh Mantan Mufti Singapura, Tuan Syed Isa Semait ketika itu selaku Mufti dan pengerusi Jawatankuasa Fatwa seperti berikut:

Nuzriah sah, dan (ia) adalah jenis nazar kecil. Ia telah diamalkan oleh pengikut Syafie selama lebih 500 tahun, perkataan nuzriah datang daripada perkataan nazar, dalam bahasa Arab. Dua perkataan ini boleh digunakan untuk makna yang serupa. Ia juga diamalkan di Singapura antara 1984 dengan 2002. Sebanyak 50 nuzriah telah didaftarkan. Nazar

seperti ini disebut dalam beberapa kitab, seperti Bughyah al-Mustarsyidin susunan Mufti Hadramaout, Sayyid Abdul Rahman Ba'alwie, al-Yaqut al-Nafees oleh Mohammad Ibn Ahmad al-Shatiri dan Tuhfahtu al-Muhtaj oleh Ibn Hajar al-Haitami, al-Nawawi, dalam Minhaj al-Talibin (Berita Harian Singapura, 24 September 2004).

Walau apa pun, keputusan mahkamah dalam kes di atas tidak boleh menyekat masyarakat Islam daripada membuat *nuzriah*. Selain amalan *nuzriah* ini diakui oleh Jawatankuasa Fatwa yang berautoriti mengeluarkan keputusan hukum yang berkaitan dengan orang Islam, masyarakat Islam Singapura boleh melakukan beberapa prosedur untuk menjadikannya *nuzriah* tersebut berkuatkuasa di sisi undang-undang. Berdasarkan hal ini, mereka boleh mendapatkan khidmat peguam untuk mengesahkannya, atau membuat Akuan Sumpah (*Statutory Declaration*) atas *nuzriah* tersebut. *Nuzriah* yang telah dibuat secara automatik terlaksana apabila waktu yang ditetapkan telah tiba mengikut apa yang termaktub dalam *nuzriah* tersebut. Bagi mereka yang telah membuat Akuan Bersumpah (*Statutory Declaration*) atau telah mendapat pengesahan pihak peguam, maka prosedur undang-undang yang wajar harus diambil jika membuat *nuzriah* ingin membatalkan *nuzriah* tersebut. Dari pandangan agama, mereka yang ingin menarik kembali *nuzriahnya* sebelum tiba waktu yang ditetapkan, hendaklah membayar kafarah memberi makan 10 orang fakir miskin, atau memberi pakaian kepada 10 orang fakir miskin, atau membebaskan hamba sahaya, atau berpuasa tiga hari (www.muis.gov.sg. Irsyad 2009).

Penulis ingin menegaskan bahawa *nuzriah* ialah satu akad baru yang dihasilkan daripada ijtihad ilmunan semasa yang melihat bagaimana Islam boleh memberi penyelesaian kepada isu-isu yang berlaku dalam masyarakat. Sepertimana yang dimaklumi bahawa akad atau kontrak dalam Islam tidak terhad kepada kontrak-kontrak penama (*nominated contracts*) sahaja, bahkan Islam membuka ruang kepada kewujudan akad-akad lain asal sahaja ia tidak melanggar nas syarak yang jelas. Ini bermakna seseorang itu tidak semestinya bergantung kepada akad-akad penama untuk mencari jawapan dalam sesuatu masalah dalam muamalah. Dengan demikian, dari sudut ini amalan *nuzriah* oleh masyarakat Islam di Singapura adalah selaras dengan prinsip kebebasan berkontrak (*hurriyat al-ta'addud* atau *freedom of contract*) dalam undang-undang Islam (Ahmad Hidayat Buang, 1999: 189; Ahmad Hidayat Buang, 1993: 243-261; M. E. Hamid, 1969: 10).

Berkenaan dengan perbuatan menazarkan harta dengan syarat penyerahan harta tersebut berlaku sebelum kematian penazar, disebutkan dalam kitab *Bughyah al-Mustarsyidin* berkenaan tidak seharusnya bagi seorang bapa menarik semula harta yang telah dinazarkan kepada anaknya sekalipun bayi masih di bawah penjagaannya dan sekalipun belum berlakunya penerimaan harta tersebut. Terdapat juga fuqaha, antaranya Imam al-Nawawi dan Ibn Hajar yang menyatakan bahawa hukum bapa yang menarik semula harta nazar adalah makruh, walaupun ianya sah. Berdasarkan pendapat yang menyatakan penarikan semula harta nazar adalah tidak dibenarkan, jika seseorang bernazar untuk bersedekah ke atas seseorang sebelum kematiannya, dia tidak wajib menyegerakan penyerahan harta tersebut kepada penerima kerana waktu yang disebutkan untuk penyerahan adalah waktu kematiannya yang merupakan had terakhir penangguhan. Berdasarkan hal ini juga, adalah tidak wajar dianggap nazar tersebut sebagai hutang yang tertunggak. Namun, jika penerima *nazar* mati sebelum sampai had terakhir penangguhan maka batallah *nazar* tersebut (al-Haytami, 2001: 10/78-79). Dengan demikian, isu penangguhan harta yang dijadikan *subject matter* kepada *nuzriah* tidak berbangkit.



Nazar yang dibuat secara bersyarat perlu dibezakan dengan nazar yang dibuat secara mutlak. Penerima nazar akan menerima harta nazar secara serta merta jika nazar itu dibuat secara mutlak, iaitu tidak dikaitkan dengan tempoh masa tertentu. Namun, jika nazar tersebut adalah nazar yang bersyarat, iaitu mensyaratkan kuatkuasa nazar dengan tempoh masa tertentu, maka penerima nazar hanya berhak ke atas harta nazar pada masa yang ditetapkan itu sahaja. Misalnya, seseorang bernazar bahawa, “Aku bernazar baginya (penerima nazar) hak ke atas harta ini satu hari sebelum matiku”. Dalam hal ini, nazar akan berkuatkuasa, iaitu hak ke atas harta nazar akan berpindah kepada penerima nazar satu hari sebelum kematian penazar (al-Haitami, 2001: 10/79).

## 7.0 PENUTUP

Perwarisan harta perlu diurus dengan efisien supaya harta yang tersebut benar-benar dapat diagih dan dimanfaatkan oleh benefisiari yang berhak sebagaimana yang dirancang. *Nuzriah* merupakan salah satu daripada cara bagaimana matlamat tersebut boleh direalisasikan. Dalam konteks artikel ini, *nuzriah* meskipun tidak pernah dibincangkan sebelum ini, namun konsepnya sama dengan nazar *tabarrur* iaitu nazar untuk melakukan ketaatan yang merupakan satu bentuk akad sebelah pihak dalam pewarisan harta dan ruang menggunakannya sebagai satu instrumen yang boleh memberi faedah kepada pemilik harta untuk merancang agihan hartanya sangatlah luas. Walau bagaimanapun, sebagaimana ulasan di atas, penulis lebih cenderung untuk menyatakan bahawa *nuzriah* merupakan akad yang tersendiri dan ia adalah berbeza dengan akad hibah, wasiat, malah nazar secara umum. Di sinilah perlunya ijtihad dalam menyelesaikan isu-isu perwarisan harta orang Islam, terutamanya dalam situasi-situasi yang dibincangkan terdahulu. Peranan ini perlu dimainkan oleh para sarjana Islam, terutama daripada institusi yang berautoriti untuk mengeluarkan fatwa.

Walaupun bagaimanapun amalan mengadakan *nuzriah* harus dilakukan dengan tujuan untuk menjaga kepentingan keluarga terdekat yang masih hidup, tanpa berniat menzalimi ahli waris yang sepatutnya menerima harta pusaka. Dalam masyarakat majmuk Singapura, undang-undang sekular dipakai untuk semua, termasuk untuk orang Islam kecuali dalam keadaan tertentu. Undang-undang Islam digunakan jika tidak ada pertikaian atau ada tuntutan yang dilakukan untuk mencabar penggunaannya oleh pihak tertentu. Namun, dalam perwarisan Islam, kesediaan pihak-pihak untuk mencari perdamaian adalah penting bagi mengelakkan daripada perselisihan dalam keluarga. *Nuzriah* merupakan salah satu daripada instrumen perwarisan harta selain hibah, wasiat, amanah dan faraid itu sendiri. *Nuzriah* boleh menjadi dokumen berkesan dalam banyak keadaan dan sebagai salah satu alat (*instrumen*) pemindahan milik harta, tetapi keberkesannya bergantung kepada pematuhannya di sisi undang-undang, undang-undang Sivil dan Islam (Hairani Saban, t.t.).

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim  
 ‘Ali Jumu’ah. 2004. Fatwa Mengenai *Nuzriah* (Jawapan kepada Pertanyaan daripada Pejabat Mufti Singapura, 23 Jun 2004, No Ruj: 166/485).  
 ‘Asqalani, al-, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. 1986. *Fath al-Bari, bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Cairo: Dar al-Rayyan li al-Turath.  
 Abdul Rahman bin Muhammad bin Husin bin ‘Umar. t.t. *Bughyah al-Mustarsyidin fi Talkhish Fatawa Ba’dh al-Aimmah Min al-‘Ulama al-Mutaakhirin ma’a Dham Fawaid Kutub Shatta li al-‘Ulama al-Mujtahidin*. Beirut: Dar al-Fikr.  
 Ahmad bin Mohamed Ibrahim. 1965. *The Legal Status of The Muslims in Singapore*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Ltd.  
 Ahmad Hidayat Buang. 1993. Kebebasan Berkontrak di dalam Undang-undang Islam. *Jurnal Syariah*. 1(2): Kuala Lumpur: Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya  
 Ahmad Hidayat Buang. 1999. Intelektualisme dalam Pembinaan Hukum di Malaysia: Pembinaan Teori Fiqh atau Penerusan Ajaran Taqlid. Dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Ali (ed.). *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.  
 Amidi, al-, Ali bin Muhammad. 2003. *Al-Ahkam fi Usul al-Ahkam*, al-Riyahd: Dar al-Shami’ie.  
 H. A. Aziz Salim Basyarahil. t.t. *22 Masalah Agama*: Jakarta: Gema Insani.  
 Hairani Saban Hardjo, t.t. *Issues & Controversies in the Muslim Estate: Fatwa & Case-Laws*. Singapore: Supreme Court of Singapore.  
 Hasnan Kasan. 2008. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.  
 Haytami, al-, Shihabuddin Ahmad Ibn Hajar. 2001. *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr.  
 Himshi, al-, Muhammad Hasan.t.t. *Tafsir wa Bayan Mufradat al-Quran*. Beirut: Dar al-Iman.  
 Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram. 1968. *Lisan al-‘Arab*. Bairut: Dar al-Ma’arif.  
 Ibn Qayyim al-Jauziyah. 1423H. *I’lam al-Muwaqqi’in ‘An Rabbi al-‘Alamin*. Jeddah: Dar Ibn al-Jauzi.  
 Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. t.t. *al-Mughny*. j.10. Kaerah: Maktabah ibn Taymiyyah.  
 Jazairi, al-, Abu Bakar Jabir. 1990. *Minhaj al-Muslim*. Madinah Munawwarah: al-Maktabah al-‘Ilmiah.  
 Kassim Salleh. 1998. *Ijtihad Sejarah dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.  
 Khatib, al-, Muhammad al-Sharhini. t.t. *Mughni al-Muhtaj*, j. 4. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.  
 M. E. Hamid. 1969. Islamic Law of Contracts. *Journal of Islamic and Comparative Law*. 3.  
 Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyah. 2004. *al-Mu’jam al-Wasit*. Beirut: Maktabah al-Shuruf al-Dauliah.  
 Malal & Namazie. 2004. Surat Pertanyaan Mengenai Wasiat & *Nuzriah*. (Pejabat Mufti Singapura, 24.05.2004, No Ruj. MMN/zb/498/97/gy).  
 Mohammad Hashim Kamali. 2000. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.  
 Mohd Fatris Bakaram (Mufti Singapura). 2012. Temubual pada 6 Mac 2012, di Pejabat Mufti Singapura.  
 Mohd Fatris Bakaram. 2003. Pembentukan dan Perlaksanaan Fatwa: Pengalaman Singapura (Kertas kerja Kursus Pembangunan dan Pengembangan Fatwa Negara Mabims, Anjuran ILIM, JAKIM, Langkawi, Malaysia).  
 Mohd Suhaimi Mohsen. 2011. Ketahui Proses Keluar Fatwa. *Berita Harian Singapura*, 13 Nov 2011.  
 Muhammad Abu Zahrah. t.t. *Usul al-Fiqh*. Cairo: Dar al-Fikr al-‘Arabi.  
 Muhammad Aidil Zulkifli. 2010. The Fate of Fatwa in Singapore. *Karyawan\_V10 Journal*. Singapura: Association of Muslim Professional Singapore (AMP).  
 Muhammad Baltaji. 2007. *Ijtihad ‘Umat Bin Khattab dalam Penetapan Syariat Islam*. Selangor: Berlian Publications Snd. Bhd.  
 Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2009. Elemen *Qabd* (Pindahan Milikan) Dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan dan Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-Undang Islam. *Jurnal Syariah*. 17(2).  
 Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. *Hibah dalam Undang-Undang Islam Prinsip & Amalan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.  
 Nawani, al-, Muhyiddin Abi Zakaria Yahya bin Sharaf. 1996. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Cairo: Dar al-Salam.  
 Othman Ishak. 1981. *Fatwa dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Snd. Bhd.  
 Qaradawi, al-, Yusuf. 1396H. *al-Ijtihad fi al-Syari’ah al-Islamiah*. al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-‘Ilmiah.  
 Qaradawi, al-, Yusuf. 1408H. *al-Ijtihad wa al-Tajdid baina al-Dhawabith al-Shar’iyyah wa al-Hajat al-Mu’ashirah, Fiqh al-Da’wah Malamih wa Afaq*. Qatar: Markaz al-Buhuth wa al-Ma’lummat.  
 Qaradawi, al-, Yusuf. 1996. *al-Fatwa Bayna al-Indibat wa al-Mufaqqih*, terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Selangor: Thinkers Library.  
 Qaradawi, al-, Yusuf. 1999. *‘Awamil al-Si’ah wa al-Murunah fi al-Shari’ah al-Islamiyyah*. Kaerah: Maktabah Wahbah.  
 Qarafi, al-, Shihabuuddin Ahmad bin Idris bin ‘Abd Rahman, 1960. *Anwar al-Buruq fi Anwa’ al-Furuq*. Mesir: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiah.  
 Qunuji, al-, Abi al-Tayyib Siddiq bin Husin bin ‘Ali al-Husaini. 1998. *al-Raudah al-Nadiyyah Shrah al-Durar al-Bahiyyah*. Bairut: Dar al-Nadwah al-Jadidah.

- Qurtubi, al-, Abu Abdillah Ahmad bin Ahmad al-Ansari. 1985. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ramli, al-, Muhammad bin Shihabuddin. 1984. *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sadali Rasban. 2010. *Hibah Al-Ruqba & Pemilikan Bersama di dalam Hukum Syari'ah*. Singapura: HTH Advisory Services Ptd. Ltd.
- Sadali Rasban. 2010. *Critical Analysis of AMLA in Estate Matters*. Singapore: Pustaka National Pte Ltd.
- Salih bin Fauzan bin 'Abdullah al-Fauzan. 1410H. *Al-Tahqiqat al-Mardhiyyah fi al-Mabahith al-Faradhiyyah*. Saudi: Universiti Islam Medinah.
- Shatibi al-, Abi Ishaq Ibrahim bin Musa. t.t. *al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*. T.tp: Dar al-Rashad al-Hadithah.
- Shatiri, al-, Muhammad bin Ahmad bin 'Umat. 2007. *Al-Yaqut al-Nafiz fi Mazhab bin Idris*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Shaukani, al-, Muhammad bin 'Ali. 2000. *Irsyad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilmi al-Usul*. al-Riyadh, Dar al-Fadhilah.
- Syed Ahmad bin Syed Mohamed. 1997. *Prosedur Fatwa di Singapura*. (Kertas kerja Majlis Muzakarah Ulama Negara Mabims, Kali ke 2, Pulau Pinang, Malaysia).
- Syed Isa Semith, Mantan Mufti Negara Singapura (Temubual di Tingkat 11, Singapore Islamic Hub, 29 Disember 2012, jam 3.00 pm.).
- Taqiyuddin Abi Bakar bin Muhammad al-Husaini al-Hishni, al-Dimisiki, al-Shafi'i. t.t. *Kifayatu al-Akhyar fi Hilli Ghayah al-Ikhtishar*. Singapore: Sulaiman Mar'ie.
- Zuhaili, al-, Wahbah. 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_. 2003. Kertas Maklumat, Isu Pendermaan / Pemandahan Organ dan Otak. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).
- \_\_\_\_\_. 2011. *Panduan Bagi Muslim Membeli dan Memiliki Rumah HDB Secara Joint- Tenancy*. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).
- \_\_\_\_\_. *Administration of Muslim Law Acts*, 1966 (Akta Pentadbiran Undang Undang Islam Singapura).
- \_\_\_\_\_. *al-Munjid, fi al-Lughah wa al-F'lam*. 1987. Bairut: Darul al-Mashriq.
- \_\_\_\_\_. *al-Quran dan Terjemahnya*. 1418H. Madinah Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd Li al-Thiba'ah al-Mushaf al-Sharif.
- \_\_\_\_\_. [http://en.wikipedia.org/wiki/Maintenance\\_of\\_Religious\\_Harmony\\_Act](http://en.wikipedia.org/wiki/Maintenance_of_Religious_Harmony_Act), diekses pada 4 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. <http://www.encyclopedia.com/topic/Singapore.aspx>, diekses pada 3 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. <http://www.iro.org.sg/website/irobookbook.html>, diekses pada 4 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. [http://www.islamweb.net/newlibrary/display\\_umma.php?lang=A&BabId=9&ChapterId=9&BookId=219&CatId=201&startno=0](http://www.islamweb.net/newlibrary/display_umma.php?lang=A&BabId=9&ChapterId=9&BookId=219&CatId=201&startno=0), diekses pada 25 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. [http://www.moh.gov.sg/content/dam/moh\\_web/Legislations/HOTA](http://www.moh.gov.sg/content/dam/moh_web/Legislations/HOTA), diekses pada 3 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. <http://www.muis.gov.sg/cms/news/news.aspx?id=14070&terms=nuzriah>, diekses pada 26 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. <http://www.muis.gov.sg/cms/oomweb/irsyad.aspx?id=14412>, diekses pada 25 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. *Kamus Dewan*. 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. *Kumpulan Fatwa-Fatwa MUIS*. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).
- \_\_\_\_\_. Minit Mesyuarat Bulanan Ke 25, Jawatankuasa Fatwa 1995-98. Isnin 23 Februari 1998, Jam 2.30 Petang, Pusat Islam Singapura.
- \_\_\_\_\_. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa (31 Julai 1973).
- \_\_\_\_\_. *Umat Islam di Singapura*. 2002. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).
- \_\_\_\_\_. *Kumpulan Fatwa 1*, 1987. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).
- \_\_\_\_\_. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa (23 Februari 1998).
- \_\_\_\_\_. <http://sgms.internet.gov.sg>, diekses pada 3 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. <http://www.conststaticsingapore.sg>, diekses pada 4 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. <http://www.hdb.gov.sg>, diekses pada 25 Februari 2012.
- \_\_\_\_\_. Fail Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa, minit 24 (5.1.98) hingga 28 (1.6.98) Vol. 18

#### Senarai Kes

Harun bin Muda dan lain-lain lwn. Mandak binti Mamat [1999] 1 JH 63  
 Mohamed Ismail bin Ibrahim and Another lwn. Mohammad Taha bin Ibrahim [2004] SGHC 210